

# Tindakan tiada kaitan 'kerajaan pintu belakang'

BH - 27/11/2019 m/s: 8

## Dua ADUN perlu sokong, hormati keputusan Ketua Menteri: Anwar

Oleh Fairuz Zaidan, Ahmad Suhael Adnan dan Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tindakan dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PKR yang menggagalkan usul mencadangkan nama Pengerusi PKR Melaka sebagai Ahli Dewan Negara kelmarin, tiada kaitan usaha mewujudkan 'kerajaan pintu belakang'.

Namun, Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata tindakan ADUN Rembia, Datuk Muhammad Jailani Khamis bersama ADUN Machap Jaya, Datuk Ginnie Lim Siew Lin, tidak boleh diterima parti.

"Tindakan ini tidak boleh diterima kerana mereka sepatutnya menghormati keputusan kerajaan negeri. Pendirian kita adalah mereka perlu menyokong usul Ketua Menteri (Adly Zahari).

"Saya tak fikir begitu (ada kaitan usaha wujudkan kerajaan pintu belakang bermula di Melaka). Bagaimanapun dari segi parti, kita tetap pertahan kerajaan PH, termasuk Ketua Menteri Melaka sekarang," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, di sini, semalam.

Kelmarin, cadangan nama Pengerusi PKR Melaka, Datuk Abdul Halim Bachik sebagai Ahli Dewan Negara yang diusulkan Adly, gagal mendapat sokongan



Anwar bercakap kepada media selepas Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam.  
(Foto BERNAMA)

majoriti ahli dewan apabila meraih 12 undi menyokong berbanding 13 yang menolak. Tiga lagi tidak mengundi termasuk dua ADUN PKR itu.

Sementara itu, kedua-dua ADUN PKR terbabit sudah memaklumkan kepada Presiden parti mengenai tindakan mereka untuk tidak terbabit sesi pengundian usul Ahli Dewan Negara, kelmarin.

Muhammad Jailani berkata, beliau sudah bertemu Ketua Menteri Melaka, selain berkomunikasi dengan Anwar bagi menerangkan insiden semalam.

"Masalah kami hanya dengan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Melaka (Abdul Halim) yang tidak pernah mengajak kami berunding. Ini bukan kali pertama dan ia berlarutan termasuk membabitkan isu pelantikan ahli majlis Pihak

**Tindakan ini tidak boleh diterima kerana mereka sepatutnya menghormati keputusan kerajaan negeri. Pendirian kita adalah mereka perlu menyokong usul Ketua Menteri (Adly Zahari).**

Anwar Ibrahim,  
Presiden PKR

Berkuasa Tempatan (PBT), hinggalah kepada insiden ini.

"Kami EXCO kerajaan negeri, bukan sahaja wakil rakyat tetapi wakil (kepada) parti. Seharusnya kami diajak berbincang dan berkongsi pendapat," katanya ketika ditemui selepas Sidang DUN Melaka, semalam.

Siew Lin juga mengakui sudah menjelaskan kepada Adly dan Anwar berhubung keputusan itu, selain memohon maaf dengan langkah yang terpaksa diambil ketika Sidang DUN kelmarin.

Sementara itu, Speaker DUN Melaka, Datuk Wira Omar Jaafar, menegaskan beliau mengamalkan sikap profesional dan berkecuali ketika mengendalikan Sidang DUN termasuk dalam insiden berlaku kelmarin.

Beliau berkata, keputusannya menolak usul kerajaan PH itu berdasarkan hasil undian iaitu 12 menyokong, berbanding 13 menolak, sementara tiga tidak mengundi.

Mengenai usul tergempar dibawa Ketua Pembangkang, Datuk Seri Idris Haron susulan kegagalan usul PH itu, Omar berkata, pembangkang tidak mengikut prosedur ditetapkan dewan.

"Setiap usul hendaklah dihantar secara bertulis terlebih dahulu kepada Dewan, bukannya boleh dibacakan sewenang-wenangnya. Perlu ikut prosedur operasi standard (SOP)... sebab itu saya tolak.

"Keduanya, kita perlu tahu terlebih dahulu latar belakang calon yang hendak diketengahkan dan calon berkenaan juga harus tahu serta bersetuju bahawa namanya dicadangkan sebelum dibaca dan dibahaskan dalam Persidangan DUN," katanya.